

CNS2309

U GB 16-12 00168 BH669

Bah

Mahathir - Peniaga

PM MAHU PENIAGA BUMIPUTERA TERUS BERUSAHA

JOHOR BAHRU, 16. Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan peniaga Bumiputera supaya terus berusaha bagi mencapai kemajuan kerana tidak ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan.

Dalam perniagaan tidak ada jalan yang mudah dan peniaga Bumiputera perlu belajar daripada kelemahan-kelemahan yang mereka alami, katanya ketika berucap pada jamuan malam Dewan Perniagaan dan Perusabaaan Melayu Malaysia Cawangan Johor di Dewan Jubli Intan di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, peniaga Bumiputera yang tidak berjaya pula harus meneliti dan mengkaji apakah sebabnya mereka tidak berjaya sedangkan orang lain berjaya dan maju.

+Apabila kita tidak mencapai sesuatu matlamat, kita tidak seharusnya mengeluh tetapi perlu mengkaji sebab-sebab kita tidak berjaya.

+Kita tidak boleh mengatasi masalah yang ada hanya dengan menuduh badan ini dan badan itu dan dengan itu berharap masalah itu dapat diatasi. Mungkin ada sesuatu pada diri kita sehingga menyebabkan kita sukar mencapai kejayaan,+ katanya. -- Lagi

▼16/12/23-47MST

CNS2310

U GB 16-12 00163 BH670

Bah

Mahathir - Peniaga 2 Johor Baharu

Perdana Menteri berkata, walaupun dengan berusaha mereka tidak mencapai kejayaan, mungkin anak cucu mereka akan mencapai kejayaan hasil daripada tindakan yang diambil.

Menurutnya, kerajaan sememangnya bertanggungjawab memberi bantuan kepada peniaga Bumiputera kerana ia merupakan salah satu matlamat kerajaan untuk meningkatkan prestasi peniaga Bumiputera agar mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat peniaga di Malaysia.

Katanya, banyak rancangan yang telah dijalankan oleh kerajaan sejak 35 tahun lepas untuk meningkatkan prestasi peniaga Bumiputera tetapi yang jelas matlamatnya belum dapat dicapai pada tahap yang dirancang.

Beliau berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah digubal bertujuan untuk memberi 30 peratus ekonomi Malaysia kepada Bumiputera tetapi apabila tempohnya tamat, pencapaiannya cuma 20 peratus dan peratusan itu banyak bergantung kepada tindakan yang dibuat oleh badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan.

+Bagaimanapun, kita masih boleh berbangga kerana telah meningkat dari satu peratus kepada 20 peratus tetapi hakikatnya, matlamat itu belum tercapai,+ kata Perdana Menteri. -- Lagi

▼16/12/23-49MST

CNS2312

U GB 16-12 00131 BH671

Bah

Mahathir - Peniaga 3 Johor Baharu

Oleh itu, kata Dr Mahathir, peniaga Bumiputera harus berpegang kepada kebenaran dan tidak segan kepada kesalahan yang dilakukan sama ada oleh mereka atau pihak lain.

Perdana Menteri berkata, kalau mereka berpegang kepada kebenaran, mereka akan dapat memastikan kelemahan yang ada.

Katanya, Malaysia telah diiktiraf oleh dunia kerana berjaya mengatasi banyak masalah yang dihadapi dan kadang-kala menjadi peneroka dalam bidang-bidang yang baru dimulakan di negara maju.

+Kita telah dapat mencapai kejayaan sedangkan pihak lain tidak mampu contohnya, dasar penswastaaan, yang Malaysia menjadi peneroka dan dimulakan jauh lebih awal daripada negara maju yang lain, + tambahnya.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia berkemampuan untuk membuat sesuatu yang baru dan belum dibuat oleh orang lain, kata Dr Mahathir. -- Lagi

♥16/12/23-50MST

CNS2313

U GB 16-12 00181 BH672

Bah

Mahathir - Peniaga 4 (Akhir) Johor Baharu

Perdana Menteri juga berkata, beliau dan anggota kabinet yang lain sedang mengkaji syor-syor yang telah dibuat oleh Kongres Ekonomi Bumiputera ketiga baru-baru ini, yang kebanyakan cadangan untuk kerajaan mengadakan peruntukan.

Menurutnya, kebanyakan syor itu telah diterima oleh kerajaan dan ia akan dilaksanakan tetapi beliau berasa was-was dengan pelaksanaan projek dan agensi yang dicadangkan oleh kongres itu, peniaga Bumiputera akan mencapai kejayaan.

+Kita akan berusaha tetapi kita tidak harus yakin sepenuhnya akan kejayaan cadangan-cadangan itu. Kita tak mahu tolak kerana akan mengecewakan banyak pihak. Tetapi janganlah kita harap sangat kepada tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kerajaan, + tegasnya.

Perdana Menteri berkata, selain daripada apa yang dicadangkan oleh kongres kerajaan telah mengadakan beberapa pendekatan baru dan antaranya ialah sistem francais kerana mudah bagi peniaga yang tidak begitu banyak pengalaman dan berharap ia mendapat sambutan daripada masyarakat peniaga Bumiputera.

Bagaimanapun, kerajaan perlu kepada peniaga yang serius dan jangan fikir dengan mendapat francais mereka boleh menjadi kaya kerana kerajaan tidak menjanjikan sesiapa menjadi kaya, kata beliau. -- bernaama

♥16/12/23-57MST